

1 Masjid



Usaha Telaga Biru Memupuk Minat Membaca Dalam Kalangan Jemaah Masjid



Program "1 Masjid 1 Library" merupakan program yang dirancang pada hujung tahun 2015, hasil cetusan idea Pengarah Urusan Telaga Biru Sdn. Bhd., Yang Berbahagia Datuk Dr. Hj. Zahazan Mohamed.

Objektif utama program ini adalah untuk mengumpul dana daripada individu dan badan-badan korporat bagi membina sebanyak mungkin pusat bacaan di masjid-masjid seluruh Malaysia. Selain itu, pihak Telaga Biru sangat berharap agar program ini mampu menyemai minat membaca dalam kalangan jemaah masjid.

Hampir setahun pelbagai usaha dan promosi digerakkan bagi mengumpul dana, akhirnya program "1 Masjid 1 Library" berjaya mengumpul dana sebanyak RM60,000. Antara usaha promosi yang digerakkan termasuklah mengadakan pertemuan empat mata dengan tokoh-tokoh korporat negara dan iklan-iklan promosi di dalam semua majalah terbitan Telaga Biru.

Masjid Kota Damansara Lokasi Pertama

Telaga Biru bersepakat memilih Masjid Kota Damansara sebagai lokasi pertama program "1 Masjid 1 Library". Faktor utama pemilihan masjid ini ialah suasana masjid yang sentiasa "hidup" serta sentiasa dikunjungi ramai jemaah.

Majlis pelancaran dirasmikan oleh Timbalan Nazir Masjid Kota Damansara, Dr. Hj. Mustapha Kamal. Dalam ucapannya, beliau mengajak para jemaah masjid menginfakkan lebih banyak bahan bacaan



1 Library




agar dapat dimanfaatkan lagi oleh para jemaah. Selain buku-buku serta kitab-kitab yang disumbangkan oleh pihak Telaga Biru, pihak masjid juga turut berbesar hati menyumbangkan kira-kira 300 buah buku dan kitab bagi kegunaan dan kebaikan para pengunjung masjid.

Tarikan Jemaah

Menurut Datuk Dr. Zahazan, pusat bacaan yang berkonsepkan santai dan terbuka diyakini mampu menarik minat para jemaah untuk membaca ketika menunggu waktu mendirikan solat. Sementara itu kedudukan pusat bacaan berkenaan yang strategik kerana terletak berhampiran dewan solat utama.

Membaca sememangnya amat dititikberatkan dalam Islam selaras dengan wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah s. a. w., iaitu kalimah iqra'; bacalah.



Membaca bukan sekadar menambah ilmu pengetahuan tetapi dapat menjana peradaban Islam.

Selain itu, pusat bacaan tersebut diyakini mampu menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu, sama seperti zaman kegemilangan Islam dahulu. Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, bahkan menjadi permulaan kepada penubuhan sekolah-sekolah dan universiti.

Pihak Telaga Biru berharap agar semua masjid mempunyai sebuah pusat bacaan sendiri. Dengan ini, Islam terbukti sebagai agama yang bukan sahaja menuntut penganutnya fokus mengumpul amalan bekal akhirat, tetapi turut menitikberatkan ilmu duniawi sebagai alat untuk mencapai akhirat. Rajin membaca, umat Islam mampu berjaya bukan sahaja di dunia, bahkan di akhirat sana.

